



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

## LAPORAN LIPUTAN MEDIA

JUMAAT, 7 MEI 2021

<b>1</b>	Cubaan seludup 10 lembu tumpas
<b>2</b>	Peniaga pilih jual daging import
<b>3</b>	Tembak, lapah 2 lembu

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7.05.2021	SINAR HARIAN	SINAR NEGARA	30

## Cubaan seludup 10 lembu tumpas

Cubaan dua lelaki menyeludup sepuluh ekor lembu gagal apabila ditumpaskan oleh PGA Batalion 7 dalam serbuan di Kg Repek, Rantau Panjang pada Rabu.



**RANTAU PANJANG** - Cubaan dua lelaki menyeludup sepuluh ekor lembu bernilai RM98,000 gagal apabila tindakan itu berjaya ditumpaskan oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 Kuantan dalam serbuan di Kampung Repek, di sini pada Rabu.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 7, Superintendant Azhari Nusi berkata, kedua-dua suspek berusia 25 tahun itu dicekup pada jam 5 petang selepas menahan sebuah lori di hadapan sebuah kedai tayar.

"Semasa ditahan pemandu lori tersebut telah mengemukakan dokumen yang meragukan," katanya dalam satu-kenyataan pada Khamis.

Menurutnya, pemeriksaan awal membawa kepada pene-

muan beberapa ekor lembu di belakang lori berkenaan.

Beliau berkata, kesemua barang rampasan termasuk pemandu dibawa ke Kompeni Taktikal (Komtak) Jeram Perdah untuk pemeriksaan lanjut.

Azhari berkata, siasatan awal mendapati kesemua lembu itu dalam perjalanan ke Kedah.

Dia berkata, kes disiasat dibawah Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

"Nilai keseluruhan rampasan termasuk kenderaan dianggarkan berjumlah RM178,000," katanya.

Dalam pada itu, Azhari berkata, PGA akan terus melipatgandakan operasi dalam membendung aktiviti penyeludupan dan jenayah rentas sempadan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7.05.2021	SINAR HARIAN	DALAM NEGERI	31

## Peniaga pilih jual daging import

**KANGAR:** Rata-rata peniaga di pasar sekitar negeri ini memilih untuk menjual daging import berbanding daging tempatan kerana harganya yang tinggi.

Peniaga daging, **Ismail Yusof**, 68, berkata, sebelum ini, dia menjual daging tempatan pada harga RM38 sekilogram tetapi terpaksa menghentikan jualan daging tersebut kerana dihimpit kenaikan harga daripada pembekal.

Skim Harga Maksimum Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 menetapkan harga siling bagi daging tempatan adalah RM34 sekilogram.

Katanya, harga yang tinggi juga menyebabkan pelanggan juga memilih membeli daging import yang lebih berpatutan iaitu RM20 sekilogram.

Selain itu, katanya, menjual daging import juga tidak memberi tekanan kepada para peniaga meskipun perlu mengikut harga kawalan yang telah



**ISMAIL Yusof melayan pelanggan yang membeli daging import di gerainya di Pasar Kuala Perlis. - UTUSAN/NAZLINA NADZARI**

ditetapkan.

"Bagi daging tempatan saya hanya akan ambil sehari sebelum Aidilfitri sebab masa itu memang orang ramai akan cari daging tempatan untuk buat juadah raya.

"Kalau ambil sekarang dengan harga tinggi mungkin orang tidak mahu beli. Kami juga tidak mahu ambil risiko sebab kami juga beli dengan harga yang mahal tetapi terpaksa menjual mengikut harga kawalan," kata-

nya ketika ditemui di pasar Kuala Perlis di sini semalam.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di pasar tersebut mendapati, para peniaga mematuhi SHMMP 2021 dengan menjual barang kawalan dengan harga yang ditetapkan serta mempamerkan tanda harga berwarna merah jambu.

Sementara itu peniaga sayur dan barang runcit, **Ag Yeong Kang**, 42, berkata, senarai harga kawalan bagi sayur-sayur yang turut ditambah bagi fasa kedua skim harga kawalan tersebut masih tidak membebankan peniaga.

"Walaupun ada harga kawalan tetapi harga yang ditetapkan itu tidak terlalu rendah, malah saya rasa lagi tinggi daripada harga yang kami jual kepada pelanggan.

"Macam sawi sekarang harga sudah turun dan kami boleh jual pada harga RM5 sekilogram berbanding RM8 sekilogram bagi harga kawalan," katanya.

# Tembak, lapah 2 lembu

Peneroka terkejut temui haiwan ternakan dipotong kepada tiga bahagian

Oleh Abnor Hamizam  
Abd Manap  
am@hmetro.com.my

Jempol

**S**engaja menembak dua ekor lembu sebelum haiwan ternakan itu dipotong kepada tiga bahagian dan ditinggalkan di kawasan ladang kelapa sawit.

Ketua Polis Daerah Jempol Superintendant Hoo Chang Hook berkata, kejadian disedari mangsa yang juga seorang peneroka sebaik dia pergi ke kandang lembu miliknya di Ladang Felda Palong 21 di sini pada jam 8.30 pagi, Ahad lalu.

Katanya, lelaki itu terkejut apabila mendapati dua lembu miliknya dipotong kepada tiga bahagian dan isi perut haiwan ternakan itu



LEMBU milik seorang peneroka ditembak sebelum dipotong dan dilapah di Ladang Felda Palong.



**Siasatan polis mendapati dua ekor lembu itu dipercayai ditembak dengan senapang angin**

Hoo

dikeluarkan sebelum sebahagian daging dilapah.

"Kandangnya terletak kira-kira tiga kilometer dari jalan besar. Siasatan mendapati dua ekor lembu itu dipercayai ditembak dengan senapang angin berikutan terdapat terdapat kesan lubang pada rusuk kiri kedua-dua lembu itu.

"Pemeriksaan lanjut turut mendapati seekor lembu

milik mangsa turut hilang dari kandang," katanya.

Menurutnya, mangsa memaklumkan ada membuat rondaan pada sebelah malaam bagi memantau kes kecurian lembu.

"Mangsa kemudian membuat laporan polis di Balai Polis Ladang Gaddes pada jam 1.53 tengah hari semalam dan kes disiasat mengikut Seksyen 379 Kanun Kesejahteraan.

"Polis mengesan suspek terbabit dan orang ramai yang mempunyai maklumat lanjut kejadian boleh menghubungi pegawai penyiasat Sarjan Masliza Saiman di talian 0194785201," katanya.

Sebelum ini tular di media sosial gambar lembu yang dipotong kepada beberapa bahagian dipercayai dilakukan oleh pencuri lembu.